

*EMBARGOED UNTIL AFTER DELIVERY
PLEASE CHECK AGAINST DELIVERY*

**UCAPAN ENCIK HAWAZI DAIPI, SETIAUSAHA PARLIMEN KANAN,
KEMENTERIAN TENAGA MANUSIA DAN KEMENTERIAN KESIHATAN,
serta PENGERUSI MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA DAN
JAWATANKUASA BULAN BAHASA 2010,
DI MAJLIS PELANCARAN BULAN BAHASA 2010, SABTU, 26 JUN 2010,
12.00 TENGAH HARI DI THE POD, BANGUNAN PERPUSTAKAAN NEGARA**

Tetamu Terhormat
Encik Teo Chee Hean,
Timbalan Perdana Menteri Singapura dan Menteri Pertahanan

Para Anggota Parlimen

Def-def yang dihormati,

Tuan-tuan, Puan-puan,

Salam Sejahtera dan Assalamualaikum wr wb

Yang renggang dirapatkan;
yang jauh didekatkan;
yang panjang dipendekkan;
yang dingin dihangatkan;
yang hanyut ditautkan;
yang canggung dibiasakan;
yang biasa-biasa saja dimesrakan;
yang lemah dikuatkan;
yang berjurang dibinakan jambatan.

Pengenalan

1. Anyaman kata-kata indah tadi diilhamkan oleh Encik Adi Rahman, juruhebah radio yang dikenali ramai dan sering dibacakan di ruang radio ketika Adi bertugas. Ditulis untuk buku dan cakera padat "Warkah Cucuku Sayang" terbitan Lembaga Perpustakaan Negara, yang akan diberikan khas sebagai cenderamata kepada para hadirin nanti. Buku dan CD ini ialah kumpulan surat-surat yang ditulis oleh datuk dan nenek warga Singapura kepada cucu-cucu mereka, yang merakam pesanan dan pengalaman hidup mereka.
2. Kata-kata puitis oleh Encik Adi tadi menyentuh tentang keadaan hubungan sesama manusia, tetapi begitu sesuai untuk melukis hubungan kita dengan bahasa kita, Bahasa Melayu. Begitulah seharusnya iltizam kita dalam usaha kita melestarikan bahasa ibunda kita. Biar aral melintang. Di mana ada kemahuan, di situ tersedianya jalan. Dan, dalam bahasa, tidak ada lagi yang lebih berkesan selain kerap menggunakannya agar yang canggung dibiasakan; yang biasa-biasa saja dimesrakan, dan yang lemah dikuatkan.

Slogan Bulan Bahasa 2010: Bahasa Kita. Gunakanlah

3. Oleh itu, Slogan Bulan Bahasa kita tahun ini, **Bahasa Kita. Gunakanlah** mengajak kita menggunakan bahasa Melayu, bahasa kita dalam setiap peluang dan ruang. Apa sahaja ilmu dan kemahiran yang kita peroleh, sekiranya jarang digunakan, kurang mampanlah ia.

4. Tahun ini, saya gembira akan sambutan hangat yang diberikan oleh pertubuhan, Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) dan institusi pendidikan untuk sama-sama menjayakan Bulan Bahasa 2010. Dengan menganjurkan kegiatan bahasa tersedia lah ruang dan peluang untuk masyarakat kita bertemu, beramah mesra merapatkan hubungan menggunakan bahasa Melayu.
5. Namun, kefasihan kita menggunakan bahasa Melayu tidak dapat diperoleh hanya apabila ada aktiviti-aktiviti bahasa dalam Bulan Bahasa atau ruang dan peluang yang disediakan. Sediakanlah peluang tersebut dalam keluarga dan di kalangan rakan-rakan. Jika kurang peluang-peluang tersebut, wujudkankanlah.

Duta Bahasa Melayu

6. Begitulah yang dilakukan oleh Cik Rahayu Mahzam, seorang daripada Duta Bahasa Melayu Bulan Bahasa 2010 ini. Dalam tugasnya sebagai peguam, peluang untuk menggunakan bahasa Melayu amat terbatas. Oleh itu, dengan bergiat dalam Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu (4PM) dan pada masa ini menjadi Pengerusi Bahas 4PM, peluang dan ruang untuk menggunakan bahasa Melayu tersedia. Dan kini, sebagai Duta Bahasa, beliau akan memainkan peranan yang lebih terserlah dalam mengalakkan orang-orang di sekelilingnya, bahkan masyarakat terbanyak, bertutur dalam bahasa Melayu sekerap yang boleh.

7. Begitu juga dengan Encik Taufik Batisah, penghibur muda yang terkemuka. Mula terkenal sebagai penghibur lagu-lagu Inggeris setelah menjadi Idola pertama Singapura, kini beliau popular dengan lagu-lagu Melayu pula. Dalam perbualan atau temu ramah, Taufik cuba menggunakan bahasa Melayu sebaiknya dengan usaha meningkatkan kefasihannya berbahasa Melayu. Baginya, yang penting ialah minda positif dan belajar daripada kesilapan yang dilakukan. Sebagai Duta Bahasa Melayu, kita berharap beliau dapat menyampaikan kepada para peminat dan pendengarnya, baik yang muda mahupun dewasa, bahawa keupayaan menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dengan baik adalah aset kepada setiap orang Melayu Singapura.
8. Selain daripada delapan orang dewasa – daripada yang muda kepada yang mapan – Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) juga melantik lebih 300 orang pelajar di pelbagai peringkat menjadi Duta Bahasa kali ini untuk menggalakkan rakan-rakan sebaya mereka menggunakan bahasa Melayu sekrap dan sebaik mungkin di luar waktu belajar. Kami berharap semua Duta Bahasa kita ini akan menjadi pendorong kepada pelbagai golongan masyarakat dan lapisan usia untuk ingin lebih berupaya menggunakan bahasa ibunda kita. Cara terbaik untuk meningkatkan kefasihan, keselesaan dan keyakinan menggunakan bahasa kita ialah dengan kerap dan sering bertutur, membaca dan menulis dalam bahasa ibunda kita itu.

Sokongan Dana dan Usaha Masyarakat dan Pemerintah

9. Hadirin sekalian, usaha melestari dan membangunkan bahasa memerlukan sokongan padu masyarakat dan pemerintah. Majis Bahasa Melayu berterima kasih dengan sokongan yang diberikan oleh pemerintah selama ini. Kementerian Pendidikan terus membaiki kurikulum dan program pengajaran Bahasa Melayu, seiring dengan bahasa-bahasa ibunda yang lain. Setiap tahun, Majlis Bahasa Melayu menerima dana daripada Kementerian Maklumat, Penerangan dan Kesenian (MICA) untuk menggalakkan penggunaan dan pengembangankannya bahasa Melayu. Dari segi pendanaan, buat beberapa tahun lalu, bagi setiap dolar yang dikumpulkan oleh MBMS, MICA memberikan padanan sebanyak lima dolar, iaitu 1:5 sehingga sumbangan maksimum \$100,000 setahun. Saya senang sekali untuk mengumumkan bahawa mulai tahun ini pemerintah meningkatkan sumbangannya kepada \$150,000 sekiranya MBMS dapat mengumpulkan sekurang-kurangnya \$30,000 setahun. Kami ucapkan terima kasih kepada pemerintah atas peningkatan sebanyak 50 peratus dalam sumbangannya kepada MBMS..
10. Selain penambahan dana, mulai tahun ini MICA juga telah menyediakan sokongan sekretariat sepenuh masa kepada Majlis Bahasa. Sokongan sekretariat ini serupa dengan yang MICA berikan kepada usaha mempromosikan penggunaan bahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil. Kaki tangan sokongan ini adalah pegawai yang berpangkalan di Perpustakaan Negara (NLB). Selain daripada membantu MBMS dalam bentuk urusan pentadbiran para pegawai ini juga menjadi jambatan untuk meningkatkan kerjasama antara Majlis Bahasa dengan NLB untuk menganjurkan pelbagai kegiatan bahasa

seperti sesi-sesi bercerita, bengkel, seminar bahasa dan sebagainya. Saya berterima kasih kepada Perpustakaan Negara dan berharap gabungan tenaga yang lebih padu dalam masa mendatang ini.

11. Majlis Bahasa Melayu juga terhutang budi dengan sumbangan dana yang diberikan oleh pertubuhan, individu dan syarikat-syarikat swasta setempat.
12. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Haji Mohamed Abdul Jaleel, Ketua Pegawai Eksekutif, The MES Group atas sumbangan \$30,000 kepada Majlis Bahasa Melayu Singapura. Terima kasih kami juga kepada Dato' Zain Abdullah, Pengurus Eksekutif Marine Prestige Pte Ltd yang menyumbangkan \$10,000, kata eliau buat setakat ini. Sumbangan-sumbangan ini amat bermakna kerana ia melambangkan keprihatinan dan sokongan mereka dalam pembangunan bahasa Melayu di Singapura.
13. Majlis Bahasa Melayu juga berterima kasih kepada Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC) di Kementerian Pendidikan, yang dipengerusikan oleh Encik Masagos Zulkifli, atas sumbangan dana kepada pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh pertubuhan dan institusi pendidikan setempat sempena Bulan Bahasa tahun ini.
14. Sama pentingnya ialah sumbangan tenaga masyarakat dalam menjayakan Bulan Bahasa 2010 ini. Terima kasih kepada pertubuhan-pertubuhan, Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu

(MAEC) kelab-kelab masyarakat serta institusi-institusi pendidikan yang menganjurkan pelbagai kegiatan Bulan Bahasa tahun ini.

15. Terima kasih daun keladi kepada Jawatankuasa Bulan Bahasa 2010 yang turut disertai dan disokong oleh mahasiswa Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Universiti Teknologi Nanyang (NTU). Mereka andalah jentera yang menggerakkan Bulan Bahasa tahun ini.

Penutup

16. Hadirin sekalian, Majlis Bahasa Melayu, pemerintah dan masyarakat sekeliling kita hanya dapat menyediakan ruang dan peluang untuk kita melestarikan bahasa Melayu. Walau apa pun usaha bersepadu ini, kesedaran individu dan keprihatinan individulah yang memainkan peranan kritikal dalam memastikan generasi masa depan kita terus mengekalkan bahasa Melayu. Kita memegang obor penerus bahasa dan budaya Melayu. Bahasa Melayu, Bahasa Kita. Gunakanlah.
17. Kayu ayu buat puspite
Lukisan seroja indah terserlah
Bahasa Melayu bahasa kita
Lestari, semarak dan gunakanlah.
18. Terima kasih. Assalamualaikum...